

# Setahun Zon Bebas Kenderaan Banda Hilir Rekod 1.7 juta pengunjung, jadi contoh

Mohd Faiz Abu Hasan

**BANDA HILIR** - Tanggal 7 September 2024 menjadi detik gemap setahun pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan (Car Free Zone) di Banda Hilir.

Walaupun pada awal pelaksanaan inisiatif itu menerima pelbagai kecaman, namun kejayaan demi kejayaan yang diraih, terutama dalam mengamati kehadiran pengunjung serta pelancong berjaya menutup segala kritikan tersebut.

Lebih membanggakan, dalam tempoh setahun, kira-kira 1.7 juta pelancong dan pengunjung telah direkodkan singgah ke Zon Bebas Kenderaan Bandar Hilir.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, daripada jumlah tersebut dianggarkan secara purata 15,000 hingga 30,000 pengunjung dan pelancong berkunjung ke kawasan itu pada setiap hujung minggu.

Manakala, dalam tempoh sebulan, ia merekodkan sekitar 100,000 pelancong dan pengunjung, sekali gus menunjukkan indikator yang positif terhadap ekonomi usahawan dan pengusaha sektor pelancongan.

"Saya yakin, selaras dengan hasrat kerajaan negeri menjadikan Melaka sebagai sebuah kota yang selamat dan mesra pelancong, langkah proaktif ini dilihat signifikan bagi meraikan para pengunjung menikmati kebebasan suasana pelancongan tanpa kenderaan, sekali gus mengurangkan kecender-

ungan risiko kemalangan.

"Bagi memastikan pelaksanaan ini terus berada pada tahap yang baik dan lestari, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk menaik taraf pencahayaan di sekitar Banda Hilir dan menubuhkan First Aid Station yang dianggotai oleh sukarelawan Paramedik Komuniti dan St. John Ambulance Malaysia Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Seminar Vibrant Melaka: Creating A People Centric Living Spaces sempena Sambutan Ulang Tahun Pertama Program Santai@Banda Hilir dan Sambutan Setahun Zon Bebas Kenderaan di sebuah hotel di Kota Laksmmana, 8 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Ab Rauf berkata, beliau turut berbangga apabila inisiatif tersebut kini mula menjadi contoh kepada negeri-negeri lain, antaranya seperti di Bukit Bintang,

## ZON BEBAS KENDERAAN

Bermula: **September 2023**

Tempoh: **55 jam (mula 6 petang Jumaat - 12 tengah malam Ahad)**

Rekod pengunjung: **15,000 hingga 30,000 seminggu**

Pengiktirafan:-

- Anugerah Emas Inisiatif Pengurangan Karbon
- MBOR Stesen Pertolongan Cemas Pertama di Zon Bebas Kenderaan
- MBOR Tempoh Terpanjang Pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan



Kuala Lumpur.

### TERIMA DUA PENGIKTIRAFAN

Ketua Menteri turut berkongsi kejayaan Melaka menerima dua pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR) selepas setahun pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan Banda Hilir.

Jelas beliau, dua pengiktirafan itu adalah Stesen Pertolongan Cemas Pertama di Zon Bebas Kenderaan dan Tempoh Terpanjang Pelaksanaan Zon Bebas Kenderaan di negara ini.

Menurutnya, kejayaan diterima Melaka menunjukkan pelaksanaan dasar itu membawa pulangan terutama kepada alam sekitar dan sosio ekonomi yang diperolehi oleh rakyat.

"Berdasarkan kajian mereka, MBOR telah mengiktiraf dasar yang dikeluarkan Kerajaan Negeri kerana pelaksanaan ini memberi sumbangan kepada alam sekitar dan sektor ekonomi.

"Inisiatif yang dilaksanakan kerajaan ini diwujudkan dengan objektif yang jelas iaitu untuk mengurangkan pelepasan asap kenderaan untuk memelihara bangunan warisan di samping mempamerkan kepekaan Kerajaan Negeri terhadap kesesakan aliran trafik khususnya pada hujung minggu.

"Alhamdulillah, dalam tempoh 365 hari selepas pelaksanaan inisiatif ini kita menerima pelbagai maklum balas positif terutama kepada golongan peniaga, pelan-

cong dan pengunjung kerana pelaksanaan ini telah memberikan pulangan baik kepada mereka," katanya.

### PENIAGA 'TERSENYUM'

Ab Rauf memaklumkan, peniaga menerima antara impak paling besar daripada kewujudan Zon Bebas Kenderaan susulan kebanyakan pelancong ke kawasan itu saban minggu.

Jelas beliau, rata-rata peniaga dalam kawasan itu meluahkan rasa syukur dan gembira selepas menerima peningkatan pelanggan, selain hasil jualan mereka juga meningkat.

Malah, limpahan itu turut diterima hasil penambahbaikan yang dilakukan Kerajaan Negeri dengan menaik taraf gerai-gerai lama kepada wajah baharu selain tarikan lain seperti pencahayaan dan pengaliran pelbagai program menarik di kawasan tersebut.

"Keprihatinan Kerajaan Negeri juga telah memartabatkan peranan peniaga apabila seramai 195 peniaga Uptown Pahlawan Walk diberi perhatian dengan melaksanakan penempatan semula operasi peniagaan mereka di Jalan Tun Khalil Yaakob.

"Saya yakin, dengan sokongan berterusan daripada semua pihak tentunya mampu menjadi penanda aras kepada kecemerlangan Melaka dalam memperhebat sektor pelancongan, sekali gus dijadikan model yang boleh ditonjolkan oleh bandar-bandar seluruh Malaysia," katanya.



AB Rauf (tengah) menerima dua pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR) yang disampaikan oleh wakil MBOR, Edwin Yeoh (tiga dari kiri) pada Majlis Perasmian Seminar Vibrant Melaka: Creating A People-Centric Living Spaces sempena Sambutan Ulang Tahun Pertama Program Santai@Banda Hilir dan Sambutan Setahun Zon Zon Bebas Kenderaan (ZBK). Foto Muhammad Rasul Azli Samad



PENGAYUH beca turut menerima limpahan daripada Zon Bebas Kenderaan. Foto Muhammad Rasul Azli Samad



KEMERIAHAN suasana Zon Bebas Kenderaan Banda Hilir pada setiap hujung minggu. Foto Muhammad Rasul Azli Samad